

DATE: 21 AUGUST 2013
PUBLICATION: UTUSAN SARAWAK
SECTION: ECONOMY
HEADLINE: SONA PETROLEUM DISENARAI DI BURSA MALAYSIA
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 138.58CM²

Sona Petroleum disenarai di Bursa Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Sona Petroleum Bhd. hari ini, mula disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 41 sen, diskaun sembilan sen berbanding harga tawaran 50 sen. Pada pukul 9 pagi, jumlah dagangan sebanyak 6.787 juta saham.

Waran boleh pisah percuma dibuka pada 23.5 sen sesaham dengan jumlah dagangan sebanyak 31.403 juta dan harga penukaran 25 sen sesaham.

Harga permulaan diselaras-kan turun adalah normal apabila saham induk disenaraikan bersama dengan waran dan apabila mengambil kira harga permulaan,

saham induk dan waran perlu dipertimbangkan bersama bagi mendap-

atkan harga sebenar, demikian menurut syarikat pada sidang akhbar selepas majlis penyenaian di sini.

Sona Petroleum (dahulunya dikenali sebagai Titanium Windfall Sdn. Bhd.), merupakan syarikat pemerolehan tujuan khas (SPAC) terbesar disenaraikan di Bursa dengan asas dan bahagian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ditawarkan sebagai sebahagian tawaran institusinya.

"Permintaan bagi saham Sona Petroleum memberangsangkan dan kami gembira mempunyai campuran pelabur tempatan dan antarabangsa. Kami mengucapkan terima kasih kepada pelabur di atas keyakinan

mereka terhadap pengurusan kami.

"Pasukan kami komited untuk mengembangkan syarikat dan meningkatkan nilai pemegang saham melalui usaha akan datang dalam pemerolehan dan fasa pengeluaran rangkaian nilai minyak dan gas," kata Pengerusi Bukan Eksekutif Sona Petroleum, Andreas Johannes Raymondus van Strijp. Syarikat akan memperuntukkan 90 peratus daripada hasil yang diperoleh daripada tawaran awam permulaan untuk melengkapkan pemerolehannya manakala baki akan digunakan untuk modal kerja.- Bernama